



## 2 cuba rempuh polis ditahan

12 Mei 2022



Dua lelaki ditahan cuba merempuh polis ketika operasi di Kampung Limbawang, Beaufort, kelmarin. (Foto Ihsan PDRM)

## 2 cuba rempuh polis ditahan

**Beaufort:** Polis melepaskan tembakan ke arah tayar kenderaan dua pengedar dadah yang cuba merempuh anggota-tanya dalam operasi di Kampung Limbawang, di sini, malam kelmarin.

Kedua-dua lelaki berusia 31 dan 35 tahun itu ditahan selepas kereta dinaiki mereka terbabas di tepi jalan yang sedang dinaiki air banjir di Jalan Melulugus, berhampiran Kolej Komuniti Beaufort.

Ketua Polis Daerah Beaufort, Deputy Superintendan Yusoff Zaki, berkata berkata pada jam 8.30 malam anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Beaufort menjelaskan pemerhatian di sebuah rumah tanpa nombor di situ.

Katanya, hasil pemerhatian itu, sebuah kereta Proton Saga yang dinaiki dua lelaki dalam keadaan mencurigakan masuk ke kawasan rumah berkenaan.

"Pasukan serbuan mendekati kereta itu dan mengarahkan pemandu (suspek) berhenti namun suspek bertindak agresif dan terus memandu

laju ke arah pasukan serbuan sehingga hampir melanggar anggota polis.

"Polis melepaskan beberapa das tembakan ke arah tayar bagi tujuan keselamatan diri dan untuk menghalang kereta berkenaan.

"Namun kereta itu terus memecut menghalu ke Jalan Melulugus," katanya ketika dihubungi, semalam.

Yusoff berkata, polis mengejar kereta berkenaan sehingga di Jalan Melulugus berhampiran sebuah kolej dan kereta berkenaan terbabas di tepi jalan yang sedang dinaiki air banjir.

"Kedua-dua suspek kemudian cuba melarikan diri namun berjaya ditahan. Hasil pemeriksaan dalam kereta suspek menemukan satu paket plastik lut sinar mengandungi ketulan hablur jernih disyaki syabu seberat 6.11 gram.

"Kedua-dua tangkapan dan rampasan dibawa balik ke IPD Beaufort untuk tindakan lanjut dan suspek juga didapati positif dadah Methamphetamine dan Amphetamine," katanya.